

Tiga doktor berganding

Bukti bahawa Pas bukan parti pak lebai

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Gandingan manjap calon profesional berstatus doktor di Kuala Langat pada PRU14 nanti dijangka bakal memberi gelombang baharu kepada rakyat di daerah itu.

Perkara itu diakui tiga calon mewakili Pas di tiga kerusi di daerah itu termasuk calon Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr Yahya Baba, calon Dun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan calon Dun Morib, Dr. Mohammad Sallehuddin Hafiz.

Ketiga-tiganya menangkis dakwaan parti itu hanya parti 'pak lebai'.

Yang Dipertua Pas Kawasan Kuala Langat, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau menjangkakan pertembungan tiga penjujur berlaku di peringkat Dun dan Parlimen pada PRU14 kali ini.

Menurutnya, Pas Kawasan Kuala Langat menafikan calon parti itu hanya menampilkan individu alim ulama semata-mata sebaliknya menampilkan calon pro-

fesional sama ada di daerah dan juga Selangor.

"Kalau kita nak pemimpin yang bertanggungjawab, pemimpin itu adalah pemimpin yang menjaga amanah rakyat."

"Mesej mahu disampaikan Gagasan Sejahtera adalah di mana mereka merasakan isu hari ini bukan soal kos sara hidup yang tinggi sahaja tetapi soal melahirkan kepimpinan yang baik," katanya yang mengakui perkara itu adalah satu bentuk perjuangan Pas dari dahulu hingga kini.

Ahmad Yunus yang juga penyandang Dun Sijangkang berkata, beliau mengakui hari ini ramai yang keliru dengan pemimpin yang ada.

Beliau merancang mendukung satu sistem pentadbiran atau pemerintahan yang asasnya kepada ketuhanan (walaupun mempunyai pelbagai agama), keber-tanggungjawaban, kemampuan yang meletakkan asas berintegriti tanpa terlibat dalam rasuah.

Disebabkan itu, setiap kali bertemu rakyat beliau dan dua lagi calon akan menerapkan maklumat Gagasan Sejahtera.

"Kita bukan nak berbangga dalam Pas tapi kita nak tunjukkan satu realiti yang rakyat boleh lihat Pas mempunyai hampir 70 peratus calon profesional."

"Jadi sekiranya kita mempunyai majoriti penyokong,



Ahmad Yunus berbingkang bersama Sallehuddin (kanan) Yahya (kiri) selepas mengadakan sesi soal jawab bersama pemberita di sebuah restoran semalam.



Yahya aktif mengadakan ceramah kelompok di rumah penduduk.

kita mampu memimpin sesebuah kawasan," katanya.

Dalam pada itu Ahmad Yunus berkata, beliau pernah 'dipinang' untuk beralih parti.

Mengulas perkara itu, beliau kekal mahu bersama Pas dan meneruskan per-

juangan dalam parti terutama bersama kepimpinan di kawasan Kuala Langat.

Beliau memaklumkan memang berhasrat tidak bertanding namun masih akur dengan amanah dari pucuk pimpinan.

Jangan jatuhkan imej Pas

Calon Dun Morib, Sallehuddin berkata, masyarakat di Daerah Kuala Langat sedia maklum personaliti calon Pas adalah terbaik.

"Kita nak beri gambaran kepada masyarakat, Pas bukan juga parti yang mempunyai tokoh-tokoh bergelar ustaz sahaja."

"Kebetulan di Kuala Langat calon Pas semua berstatus doktor, rakyat pun boleh tengok calon datang dari pelbagai latarbelakang di Selangor termasuklah akauntan, jurutera, peguam dan sebagainya," katanya.

Beliau menambah, sebelum ini, apabila turun padang terdapat dakwaan Pas hanya dipelopori oleh 'Pak

info Tampill calon profesional di Selangor

Lebai' sedangkan Pas juga turut mengetengahkan calon-calon daripada Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP).

Jadi, Pas bukan semata-mata parti Melayu, ia parti yang mengambil kira semua kepentingan kaum.

Kelebihan bagi Pas

Sementara itu, calon Parlimen Kuala Langat, Yahya berkata, ketika ini beliau masih bekerja seperti biasa.

Katanya, bukan sahaja isu pembangunan diberi penekanan tetapi aspek kesihatan antara fokus yang bakal dipertuahkan dalam menarik masyarakat hidup dalam kehidupan yang sihat.

"Bagi saya kelompok ini adalah calon terbaik untuk Kuala Langat."

"Pengundi di Parlimen Kuala Langat bertuah kerana Pas mempunyai calon yang berkualiti dan profesional dari kalangan doktor perubatan," katanya yang percaya gandingan itu memberi kelainan dalam menampilkan calon yang menjadi pilihan ramai.

Beliau yang baharu meletakkan jawatan sebagai Ahli Majlis MDKL, berkata, Pas mempertaruhkan tiga nama dalam kalangan doktor.



Ahmad Yunus bergambar bersama sebahagian masyarakat Orang Asli.



Sallehuddin beramah mesra ketika berkunjung ke pasar.

Kenal pasti bakat Orang Asli

Tumpu latihan multi lateral bagi membentuk bakat pelajar dalam sukan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Pemilihan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bumbun sebagai pusat latihan daerah antara usaha mengenal pasti bakat sukan dalam kalangan masyarakat Orang Asli terutama di Daerah Kuala Langat.

Penolong Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Bahagian Pengurusan, Abdul

Rashid Yaakup berkata, pusat latihan tersebut bakal menumpukan latihan multi lateral yang mengenal pasti dan membentuk bakat bersukan di kalangan pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Menurutnya, SK Sungai Bumbun merupakan sekolah masyarakat Orang Asli yang mempunyai bilangan pelajar teramai di daerah Kuala Langat.

"Sekitar kawasan tersebut terdapat lebih kurang enam buah sekolah yang terdiri daripada anak-anak masyarakat Orang Asli.

"Selain itu terdapat tenaga pengajar di sekolah itu yang mempunyai kelayakan Sains Sukan bagi membantu MSN dalam mengusahakan program ini," katanya kepada Sinar Harian selepas Perasmian Temasya Sukan



Rashid bergambar bersama sebahagian warga SK (A) Sungai Bumbun selepas perasmian temasya sukan.

Tahunan SK Sungai Bumbun, Pulau Carey.

Rashid yang hadir mewakili Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, secara tidak langsung ia dapat membantu MSN dalam menjayakan program ini

selain melihat sudah tiba masanya pencarian bakat sukan diperluaskan terutama yang melibatkan masyarakat orang asli.

Katanya, sekiranya berjaya, kemungkinan MSN akan mengembangkan lagi usaha

pencarian bakat sukan di kalangan orang asli.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Sukan dan Rekreasi Parlimen Kuala Langat, Jefri Mohd Jaafar berkata, beliau bersyukur SK Sungai Bumbun diluluskan sebagai

pusat latihan pelapis atlit negara bagi masyarakat kaum Asli.

"Kita bersyukur kerana SK Sungai Bumbun ini bakal menjadi pusat pertama yang mencari bakat dari kaum Asli setelah kejayaan menampilkan beberapa atlit negara dari masyarakat minoriti.

"Ini menunjukkan bahawa kita tidak pernah sesekali meninggalkan masyarakat itu bahkan kita mahu lebih ramai lagi atlit dapat dilahirkan dari masyarakat istimewa ini.

"Kita juga akan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Langat dan Persatuan Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Kuala Langat dalam memastikan niat murni MSN ini akan terlaksana," katanya.



Peserta memulakan larian yang diadakan di Dataran Merdeka.

1,000 sertai larian promosi filem 'Kaala'

KUALA LUMPUR - Kira-kira 1,000 peserta sertai 'Larian Mass - Rajnikanth Kaala 5KM Fun Run' di Dataran Merdeka, di sini baru-baru ini.

Program anjuran DMY CREATION dengan kerjasama Maraton MY itu bagi mempromosikan filem "Kaala" versi Tamil yang ditayangkan di pawagam seluruh negara pada 27 April ini turut mendapat penyertaan dari luar negara USA dan Australia.

Jurucakap urus setia larian, G Prakash, berkata, pihaknya teruja dengan sambutan larian kali ini memandangkan penyertaan berbilang bangsa dan usia turut menyertai larian ini.

"Larian yang bermula dari Dataran Merdeka melalui Jalan Bukit Bintang, Jalan P Ramlee, Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan

Dang Wangi Jalan Ampang dan tamat di Dataran Merdeka.

"Ini adalah bertujuan mempromosikan gaya hidup sihat selain menyuntik semangat kesukanan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat," katanya.

Kesemua para peserta yang mengambil bahagian dibekalkan T-Shirt, Medal dan Sijil penyertaan.

Penganjur menyediakan piala eksklusif dari tempat pertama hingga ke-30 bagi kategori Lelaki dan Wanita sebagai motivasi kepada pemenang. Hadiah kepada pemenang disampaikan Pengerus DMY, Datuk Mohammed Yusoff.

Rakan Strategik antaranya DBKL, 100 Plus, Nada Capital Berhad, Aroma Village dan Turbo Turbine Engineering Sdn Bhd turut memeriahkan acara ini.

DPPG FC bawa pulang Piala YB Zaidy

SELAYANG - Pasukan Dewan Pemuda Pas Gombak (DPPG) FC membawa pulang wang tunai RM1,500 berserta piala dan medal selepas menjuarai Bola Sepak 9 Sebelah Piala YB Zaidy yang diadakan baru-baru ini.

DPPG FC yang bertemu Kenanga FC seri di perlawanan akhir membawa ke penentuan sepakan penalti yang memihak kepada pasukan juara itu dengan keputusan 4-3.

Sebanyak 16 pasukan berentap untuk beraksi selama lapan minit di peringkat kumpulan sebelum ke peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir yang masanya ditambah menjadi 10 minit.

Program anjuran anjuran Pengerusi Belia Tempatan (PeBT) Zon 10, MPS dengan kerjasama Pejabat YB Zaidy dan Kelab Belia Amal Selayang turut mengundang dua pasukan dari kaum India Rawang Rovers serta Minal FC untuk turut serta.

Pengerusi PeBT Zon 10 MPS, Ahmad Taufiq Mohd Dahlan berkata, program berlangsung selama dua hari bertempat di Padang Institut Kraftangan Negara, Rawang itu diadakan buat belia setempat yang diberikan keutamaan selain pasukan luar termasuk dari Gombak, Hulu Selangor dan Subang.

Menurutnya, medium sukan digunakan untuk me-

ngenalni belia tempatan dalam masa sama berdebat dengan kenakan adab dan penjenjangan aurat semasa bersukan.

"Sukan adalah minat kumpulan belia yang baik bagi amalan gaya hidup sihat dan bersosial bersama masyarakat.

"Secara tidak langsung hubungan menjadi lebih akrab dan saling mengenali antara satu sama lain," katanya.

Tempat kedua membawa pulang RM800 dan medal manakala ketiga dan keempat RM300.

Perasmian majlis disempurnakan oleh Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib.



Pasukan juara bergambar kenangan bersama pegawai PKM Taman Templer mewakili Zaidy.